

## Amalan Pembelajaran Tahfiz al-Quran di Sekolah-Sekolah Menengah Agama Negeri Perak (SMAN)

### *Learning Practices among Perak State Islamic Secondary Religious Schools in Learning Tahfiz al-Quran*

Mohd Khairul Naim bin Sameri<sup>1</sup>

Terima 22 JULAI 2019	Wasit 18 APRIL 2020	Muat Naik e-Jurnal 30 NOVEMBER 2020
-------------------------	------------------------	--

#### **ABSTRAK**

*Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti amalan pembelajaran tahfiz al-Quran yang diamalkan oleh pelajar-pelajar Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN) Perak. Kajian kuantitatif ini menggunakan reka bentuk kajian tinjauan yang melibatkan 311 orang pelajar tahfiz tingkatan empat dari tiga buah SMAN di Perak. Data kajian ini telah dianalisis secara deskriptif menggunakan min, sisihan piawai dan peratus manakala analisis inferensi menggunakan ujian - t, ujian ANOVA dan kolerasi Pearson. Dapatan kajian menunjukkan tahap interpretasi bagi amalan pembelajaran tahfiz al-Quran berada pada tahap tinggi iaitu (min = 4.49 dan sp = 0.534). Hasil dapatan kajian bagi tahap pencapaian hafazan pelajar pula menunjukkan berada pada tahap tinggi iaitu dengan nilai (min = 4.01 dan sp = 0.661). Manakala ujian kolerasi Pearson menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara amalan pembelajaran tahfiz al-Quran dengan pencapaian hafazan pelajar di tiga buah Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN) di Perak. Dapatan kajian ini diharap dapat membantu pihak Bahagian Pendidikan Jabatan Agama Islam Perak (JAIPK), Sekolah-sekolah Agama Negeri dan Institusi-institusi tahfiz swasta yang menguruskan program-program tahfiz untuk menyusun perancangan terhadap amalan pembelajaran tahfiz yang berkesan dan bersesuaian bagi meningkatkan kecemerlangan tahfiz dalam kalangan pelajar.*

**Kata Kunci:** Amalan Pembelajaran, Tahfiz al-Quran dan Pencapaian Hafazan

#### **ABSTRACT**

*The main purposed of this study was to identify the learning practices among Perak State Islamic Secondary Religious Schools in learning Tahfiz Al-Quran. Quantitative research method was being implemented which involved 311 form 4 students from three Perak State Islamic Secondary Religious Schools. The descriptive analysis of the data was decided through the determination of min, standard deviation and percentage. For inferential analysis, t-test, ANOVA and Pearson correlation has been conducted. From the results, the interpretation on learning practices in learning Tahfiz Al-Quran have shown the highest value (min = 4.49 and standard deviation = 0.534). For memorizing the Quranic verse shown the highest value (min= 4.01 and Standard deviation = 0.661). The Pearson Correlation have shown that there was significant relationship between learning practices and the achievement of students in all three Perak State Islamic Secondary Religious Schools. From the findings it is hoping that The Department of Education, Perak Islamic Religious Office, Perak.*

**Keywords:** Learning Practices, Tahfiz al-Quran and memorizing verses

<sup>1</sup> Mohd Khairul Naim bin Sameri, Calon PhD, Fakulti Sains Kemanusiaan, UPSI, naim.jaipk@gmail.com.

## Pengenalan

Al-Quran merupakan mukjizat yang teragung dalam kehidupan umat manusia yang beriman dengan Allah SWT. Selain itu, al-Quran juga merupakan pusaka peninggalan Rasulullah SAW. Ia juga adalah merupakan mukjizat terbesar yang telah Allah SWT anugerahkan kepada Nabi Muhammad SAW sebagai panduan serta diamanahkan kepada manusia agar dapat mempelajarinya, menghayati seterusnya mempratikkan segala yang terkandung di dalamnya. Sesungguhnya al-Quran yang mengandungi lebih 6000 ayat dalam 114 surah merupakan panduan dan petunjuk kepada manusia sebagaimana firman Allah SWT:

الم ﴿١﴾ ذٰلِكَ الْكِتٰبُ لَا رَيْبَ فِيْهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِيْنَ ﴿٢﴾

Maksud: “Alif, laam, miim” “kitab Al-Quran ini, tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi petunjuk bagi orang-orang yang (hendak) bertaqwa”.

(Surah al-Baqarah 1:1-2)

Di samping itu, pelaksanaan nilai-nilai al-Quran adalah amat penting dalam kehidupan umat Islam. Manakala tujuan pendidikan al-Quran pula adalah bermatlamat untuk mewujudkan tamadun serta membentuk masyarakat yang baik, telus, berkasih sayang, amanah, persaudaraan, masyarakat yang bertolak ansur, bertanggungjawab, berfikiran rasional, demokrasi, tidak zalim, dan masyarakat yang berpaksikan dengan ajaran dan panduan al-Quran (Ahmad Mohd. Salleh, 1997).

Tujuan penerapan ilmu al-Quran adalah untuk mengajar manusia supaya menyerahkan diri kepada Allah SWT. Selaras dengan perkembangan pendidikan abad ke-21, pembelajaran al-Quran juga turut tidak ketinggalan iaitu pembelajaran al-Quran dan hafalan mampu menjadi motivasi ke arah merealisasikan minda generasi yang hafiz, alim, dai dan sekali gus melaksanakan matlamat Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN). Justeru itu, penjagaan al-Quran ini diperlihara melalui tiga keadah utama iaitu melalui *talaqqi* dan *musyafahah*, hafazan dan penulisan al-Quran (Shahin, 1995).

Penulisan kajian ini adalah berkaitan amalan pembelajaran tahfiz al-Quran yang diamalkan oleh pelajar-pelajar di Sekolah-sekolah Menengah Agama Negeri Perak (SMAN). Maklumat-maklumat awal mengenai amalan pembelajaran tahfiz ini diperolehi dengan mendapatkan maklumat dari pihak yang berkaitan seperti Bahagian Pendidikan Jabatan Agama Islam Perak (JAIPK) selaku jabatan yang menguruskan SMAN, Perak dan dari Sekolah-sekolah yang berkenaan yang terdiri daripada Sekolah Izzudin Shah (SIS), Sekolah Raja Perempuan Ta'ayah (SERATA) dan Sekolah Menengah Raja Dr. Nazrin Shah (SARJANA).

Ketiga-tiga buah sekolah ini selain menggunakan kurikulum tahfiz, mereka juga menggunakan kurikulum arus perdana seperti sekolah harian yang lain. Kurikulum tahfiz ini mula dilaksanakan di SMAN, Perak bermula pada awal tahun 2009 dengan menggunakan kurikulum tahfiz yang digubal oleh Bahagian Pendidikan Jabatan Agama Islam Perak (JAIPK, 2009).

## **Penyataan Masalah**

Kajian yang dilakukan ini adalah berdasarkan kepada penyataan masalah berikut:

1. Sasaran satu juzuk dalam tempoh tiga bulan tidak dapat dicapai oleh pelajar di Griya al-Quran Jalan Cisadane 36 Surabaya disebabkan permasalahan pelajar itu sendiri (Hikmiyah, 2015).
2. Kurang faktor latihan dan bimbingan menulis al-Quran dalam kalangan pelajar (Mohamad Marzuqi & Azmil, 2016).
3. Terdapat percanggahan pendapat di antara majikan dan guru dalam keperluan mempelbagaikan kaedah mengajar bersesuaian dengan kebolehan pelajar (Mohamad Marzuqi & Azmil, 2017).
4. Laporan pencapaian tahfiz tahunan bagi ketiga-tiga buah sekolah SMAN, Perak ini tidak mencapai sasaran yang telah ditetapkan. Bilangan pelajar yang berjaya menghabiskan hafazan seperti yang telah ditetapkan masih berada di tahap yang rendah. Selain itu, latar belakang pendidikan guru tahfiz juga perlu diambil kira kerana masih terdapat guru tahfiz yang tidak mempunyai ikhtisas dalam bidang pendidikan tahfiz (JAIPK, 2014).

Oleh yang demikian, satu kajian terhadap amalan pembelajaran tahfiz al-Quran yang berkesan perlu dijalankan untuk mengetahui keadaan sebenar amalan pembelajaran tahfiz al-Quran yang telah diamalkan oleh pelajar-pelajar dari SMAN, Perak serta melihat keberkesanannya secara menyeluruh. Kajian terhadap amalan pembelajaran ini akan dapat memastikan kekuatan pelaksanaan amalan tersebut dapat dimaksimumkan. Manakala kelemahan dan kekurangan dalam pelaksanaan amalan tersebut akan diperbaiki sebaik mungkin.

## **Objektif Kajian**

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Mengetahui amalan pembelajaran tahfiz al-Quran yang diamalkan oleh pelajar Sekolah-sekolah Menengah Agama Negeri Perak (SMAN).
2. Mengetahui tahap pencapaian hafazan pelajar dalam hafazan al-Quran.
3. Mengetahui hubungan antara amalan pembelajaran tahfiz dengan pencapaian hafazan pelajar.

## **Persoalan Kajian**

Kajian yang dijalankan ini akan menjawab soalan-soalan kajian seperti berikut:

1. Apakah amalan pembelajaran tahfiz al-Quran yang diamalkan oleh pelajar-pelajar di Sekolah-sekolah Menengah Agama Negeri Perak (SMAN)?
2. Apakah tahap pencapaian hafazan pelajar dalam hafazan al-Quran?
3. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara amalan pembelajaran tahfiz dengan pencapaian hafazan pelajar?

## Metodologi Kajian

Metodologi merupakan elemen yang penting dalam sesuatu kajian kerana metodologi yang tepat dapat menentukan objektif dan tujuan sesuatu penyelidikan tercapai sepenuhnya atau tidak (Hilmi, 2010). Kajian ini bermatlamat untuk menilai amalan pembelajaran tahfiz al-Quran yang diamalkan oleh pelajar-pelajar di SMAN, Perak.

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang menggunakan soal selidik sebagai instrumen. Soal selidik digunakan kerana ia merupakan instrumen yang paling sesuai untuk kaedah tinjauan dalam kajian ini (Robson, 1988). Data yang diperoleh kemudiannya dianalisis menggunakan perisian SPSS version 23.0.

Kajian ini dilaksanakan di tiga buah Sekolah Menengah Agama Negeri di Perak (SMAN) yang menggunakan silibus dan kurikulum tahfiz yang digubal oleh Bahagian Pendidikan Jabatan Agama Islam Perak (JAIPK). Sekolah tersebut adalah Sekolah Izzudin Shah Ipoh, Sekolah Raja Perempuan Ta'yah Ipoh dan Sekolah Menengah Raja Dr. Nazrin Shah Kampung Gajah Perak. Tinjauan ke atas populasi sasaran dilaksanakan bagi mencapai matlamat kajian (Ary et al., 2002). Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan untuk menilai amalan pembelajaran yang dilaksanakan maka populasi kajian adalah terdiri daripada pelajar-pelajar tahfiz tingkatan empat di tiga buah Sekolah Menengah Agama Negeri di Perak (SMAN).

Keseluruhan pelajar yang telah dikenalpasti adalah 311 orang pelajar. Pelajar tingkatan empat dipilih dalam kajian ini adalah kerana mereka telah melalui sebahagian daripada silibus hafazan al-Quran. Ini akan dapat memberikan gambaran yang jelas bagaimana amalan pembelajaran tersebut diaplikasikan di lokasi kajian berdasarkan pengalaman pelajar terhadap proses pengajaran dan pembelajaran tahfiz al-Quran.

## Dapatan Kajian

### Amalan Pembelajaran Tahfiz al-Quran yang Diamalkan oleh Pelajar-Pelajar di SMAN, Perak

Jadual 1 menunjukkan perbandingan nilai min bagi semua amalan pembelajaran tahfiz al-Quran yang diamalkan oleh pelajar-pelajar di tiga buah SMAN iaitu Sekolah Izzudin Shah Ipoh, Sekolah Raja Perempuan Ta'yah Ipoh dan Sekolah Menengah Raja Dr. Nazrin Shah Kampung Gajah Perak. Secara keseluruhannya menunjukkan bahawa tahap amalan pembelajaran tahfiz al-Quran yang diamalkan oleh pelajar-pelajar di tiga buah SMAN iaitu Sekolah Izzudin Shah Ipoh, Sekolah Raja Perempuan Ta'yah Ipoh dan Sekolah Menengah Raja Dr. Nazrin Shah Kampung Gajah Perak berada pada tahap tinggi (min = 4.49 dan sp = 0.534).

**Jadual 1: Perbandingan Min Amalan Pembelajaran Tahfiz al-Quran**

Amalan Pembelajaran Tahfiz Al-Quran	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Strategi	4.49	0.519	Tinggi
Kaedah	4.49	0.533	Tinggi
Teknik	4.47	0.579	Tinggi
Aktiviti	4.49	0.503	Tinggi
Adab	4.53	0.501	Tinggi
<b>Keseluruhan</b>	<b>4.49</b>	<b>0.534</b>	<b>Tinggi</b>

## Tahap Pencapaian Hafazan Pelajar-Pelajar di SMAN, Perak

Jadual 2 menunjukkan perbandingan nilai min bagi semua pencapaian hafazan pelajar di tiga buah SMAN iaitu Sekolah Izzudin Shah Ipoh, Sekolah Raja Perempuan Ta' Yah Ipoh dan Sekolah Menengah Raja Dr. Nazrin Shah Kampung Gajah Perak. Secara keseluruhannya menunjukkan bahawa tahap pencapaian hafazan pelajar dalam hafazan Al-Quran di tiga buah SMAN iaitu Sekolah Izzudin Shah Ipoh, Sekolah Raja Perempuan Ta' Yah Ipoh dan Sekolah Menengah Raja Dr. Nazrin Shah Kampung Gajah Perak berada pada tahap tinggi (min = 4.01 dan sp = 0.661).

**Jadual 2: Perbandingan Min Pencapaian Hafazan Pelajar**

Pencapaian Hafazan Pelajar	Min	Sisihan Paiwai	Interpretasi
Kelancaran	4.49	0.501	Tinggi
Tajwid	4.51	0.496	Tinggi
Kefahaman	3.04	0.985	Sederhana tinggi
<b>Keseluruhan</b>	<b>4.01</b>	<b>0.661</b>	<b>Tinggi</b>

## Analisis Hubungan antara Amalan Pembelajaran Tahfiz dengan Pencapaian Hafazan

Analisis korelasi Pearson telah dijalankan bagi menguji hubungan amalan pembelajaran tahfiz al-Quran (strategi, kaedah, teknik, aktiviti dan adab) dengan pencapaian hafazan pelajar (kelancaran, tajwid dan kefahaman).

Hasil analisis korelasi Pearson untuk mengenal pasti hubungan antara amalan pembelajaran tahfiz al-Quran dengan pencapaian hafazan pelajar dipaparkan dalam Jadual 3 menunjukkan terdapat hubungan yang kukuh pada amalan pembelajaran tahfiz al-Quran dengan pencapaian hafazan pelajar ( $r = 0.689$ ,  $p < 0.023$ ). Secara keseluruhannya berdasarkan keputusan Jadual 3 didapati terdapat hubungan yang signifikan antara amalan pembelajaran tahfiz al-Quran dengan pencapaian hafazan pelajar di ketiga-tiga SMAN iaitu Sekolah Izzudin Shah Ipoh, Sekolah Raja Perempuan Ta' Yah Ipoh dan Sekolah Menengah Raja Dr. Nazrin Shah Kampung Gajah Perak. Maka  $H_0$  ditolak kerana dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara amalan pembelajaran tahfiz al-Quran (Strategi, Kaedah, Teknik, Aktiviti dan Adab) dengan pencapaian hafazan pelajar (Kelancaran, Tajwid dan Kefahaman). Keseluruhan data ini jelas menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara amalan pembelajaran tahfiz al-Quran dengan pencapaian hafazan pelajar di tiga buah SMAN, Perak iaitu Sekolah Izzudin Shah Ipoh, Sekolah Raja Perempuan Ta' Yah Ipoh dan Sekolah Menengah Raja Dr. Nazrin Shah Kampung Gajah Perak.

**Jadual 3: Hasil Analisis Korelasi Pearson antara Amalan Pembelajaran Tahfiz al-Quran dengan Pencapaian Hafazan Pelajar**

	r	Sig.P
Amalan pembelajaran * pencapaian hafazan	0.689	0.023

### **Amalan pembelajaran Tahfiz Al-Quran dan Pencapaian Hafazan Pelajar**

\*\* Korelasi adalah signifikan pada aras  $p < 0.01$

N=311

## **Perbincangan dan Kesimpulan**

### **Perbincangan Amalan Pembelajaran Tahfiz al-Quran**

Analisis deskriptif dalam kajian ini melibatkan min dan sisihan piawai untuk menentukan tahap amalan pembelajaran tahfiz al-Quran yang diamalkan oleh pelajar-pelajar di ketiga-tiga buah SMAN, Perak. Hasil perbincangan dan dapatan kajian terhadap penilaian amalan pembelajaran tahfiz al-Quran merangkumi lima elemen utama iaitu strategi (13 item), kaedah (15 item), teknik (16 item), aktiviti (6 item) dan adab (11 item). Hasil dapatan kajian secara keseluruhan bagi penilaian amalan pembelajaran tahfiz al-Quran menunjukkan bahawa min keseluruhan berada pada tahap tinggi (min=4.49, sp=0.534). Secara keseluruhan, bagi amalan pembelajaran tahfiz al-Quran yang diamalkan oleh pelajar-pelajar bagi ketiga-tiga buah SMAN di Perak ini berada di tahap yang sangat baik. Oleh itu, hasil dapatan kajian ini telah menjawab persoalan kajian pertama iaitu "*Apakah amalan pembelajaran tahfiz Al-Quran yang diamalkan oleh pelajar-pelajar Sekolah-sekolah Menengah Agama Negeri Perak (SMAN).*

#### **a) Strategi dalam Amalan Pembelajaran Tahfiz al-Quran**

Dapatan kajian terhadap strategi dalam amalan pembelajaran tahfiz al-Quran oleh pelajar menunjukkan min keseluruhannya berada pada tahap tinggi. Hasil kajian ini selari dengan kajian Azmil Hashim (2010) terhadap penilaian pelaksanaan kurikulum tahfiz al-Quran di Darul Quran (JAKIM) dan Maahad Tahfiz al-Quran Negeri menunjukkan bahawa pelajar mempunyai strategi persediaan yang tinggi dalam pembelajaran tahfiz.

#### **b) Kaedah dalam Amalan Pembelajaran Tahfiz al-Quran**

Dapatan kajian terhadap kaedah amalan pembelajaran tahfiz al-Quran oleh pelajar menunjukkan berada pada tahap tinggi. Hasil dapatan kajian ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh Azmil Hashim dan Ab.Halim Tamuri (2012) terhadap 212 pelajar semester enam Maahad Tahfiz al-Quran Negeri (MTQN) dan Darul Quran (JAKIM). Hasil dapatan menunjukkan kaedah pembelajaran tahfiz, iaitu elemen *tasmi'*, *takrar* berada pada tahap yang tinggi.

#### **c) Teknik dalam Amalan Pembelajaran Tahfiz al-Quran**

Dapatan kajian terhadap teknik yang diamalkan dalam amalan pembelajaran tahfiz oleh pelajar berada pada tahap tinggi. Hasil dapatan menunjukkan kebanyakan pelajar menentukan kadar hafazan mengikut kemampuan masing-masing semasa menghafaz. Guru juga didapati membantu pelajar menentukan kaedah yang bersesuaian serta mengikut kemampuan pelajar. Selain itu, terdapat juga pelajar yang menentukan kadar hafazannya sendiri sebelum memulakan hafazan. Kajian ini bertepatan dengan Azmil Hashim dan Misnan Jemali (2014) dalam kajian mereka bahawa pelajar menentukan kadar hafazan sebelum menghafaz berada pada tahap yang tinggi.

#### **d) Aktiviti dalam Amalan Pembelajaran Tahfiz al-Quran**

Dapatan kajian terhadap aktiviti-aktiviti yang diamalkan dalam amalan pembelajaran tahfiz oleh pelajar berada pada tahap tinggi. Aktiviti-aktiviti yang diamalkan oleh pelajar ialah saling mentasmi' hafazan bersama rakan-rakan di luar waktu kelas seperti yang telah dicadangkan oleh Muhammad Muhsin (1994), Abu Najihat (2002) dan Abu al-Wafa (2006), mengulang

hafazan ketika waktu petang seperti, mengulang bacaan hafazan secara seorang diri di bilik atau di asrama, mengulang bacaan hafazan selepas solat lima waktu.

### e) Adab dalam Amalan Pembelajaran Tahfiz al-Quran

Adab-adab dalam amalan pembelajaran tahfiz al-Quran merupakan elemen yang penting untuk menjadikan seseorang sebagai *huffaz*. Dalam hasil dapatan kajian, didapati adab-adab yang diamalkan oleh pelajar terhadap amalan pembelajaran tahfiz menunjukkan berada pada tahap yang tinggi. Antara adab-adab tersebut ialah pelajar sentiasa berada dalam keadaan berwuduk semasa menghafaz al-Quran. Adab ini selari dengan cadangan Abu al-Wafa (1999), As-Syarbini (2004) dan Abu al Fida' (2006).

### Perbincangan Pencapaian Hafazan al-Quran

Dapatan kajian pencapaian hafazan berdasarkan analisis deskriptif min dan sisihan piawai. Hasil daripada dapatan kajian ini menunjukkan min dan sp bagi pencapaian hafazan ialah (min = 4.01, sp = 0.661). Pencapaian hafazan mempunyai tiga elemen penilaian iaitu, kelancaran (5 item), tajwid (5 item) dan kefahaman (5 item). Secara keseluruhan menunjukkan bahawa tahap pencapaian hafazan pelajar dalam hafazan al-Quran di tiga buah SMAN di Perak iaitu Sekolah Izzudin Shah Ipoh, Sekolah Raja Perempuan Ta'yah Ipoh dan Sekolah Menengah Raja Dr. Nazrin Shah Kampung Gajah Perak berada pada tahap tinggi. Oleh itu, hasil dapatan kajian ini telah menjawab persoalan kajian yang kedua iaitu "*Apakah tahap pencapaian hafazan pelajar dalam hafazan al-Quran*".

#### a) Kelancaran Hafazan al-Quran

Dapatan kajian pencapaian dari aspek kelancaran hafazan al-Quran pelajar menunjukkan berada pada tahap tinggi. Aspek kelancaran ini meliputi beberapa faktor antaranya kejayaan pelajar mengikuti jadual hafazan seperti yang telah ditetapkan. Abu Najihat (2002) menyatakan bahawa faktor disiplin dan istiqamah amat penting dalam proses mengulangkaji hafazan al-Quran agar apa yang dihafaz berkekalan dan menjadi lancar dalam ingatan tanpa melakukan kesalahan.

#### b) Tajwid

Penilaian tajwid dalam pencapaian hafazan selari dengan saranan Ahwani (1955), Abu Najihat (2002) dan Mohd Farouq (1427H). Oleh itu, dapatan kajian terhadap penilaian tajwid menunjukkan berada pada tahap tinggi. Dalam kajian ini sebanyak lima item diajukan kepada pelajar untuk menilai pencapaian tajwid dalam hafazan pelajar. Hasil dapatan kajian ini diperoleh melalui kutipan data dan menggunakan metod analisis secara kuantitatif. Antara hasil dapatan kajian yang diperoleh daripada kajian ini ialah pelajar secara keseluruhannya memahami ilmu tajwid dan hukumnya dengan baik. Selain itu, didapati pelajar mampu untuk mengaplikasikan ilmu tajwid ketika membaca ayat hafazan al-Quran. Pelajar juga mampu memelihara hukum tajwid dengan baik ketika menghafaz ayat hafazan. Dapatan juga menunjukkan pelajar mampu memelihara hukum tajwid ketika mengulang ayat hafazan. Dalam kajian ini juga mendapati pelajar kurang melakukan kesalahan tajwid ketika membaca ayat hafazan di hadapan guru ketika ditasmi'.

### c) **Kefahaman**

Kefahaman merupakan sokongan dalam membantu mengukuhkan hafazan. Sesuatu ayat hafazan itu apabila dihafaz dengan memahami makna maka ia mampu menambahkan kekusyukan dalam membaca ayat al-Quran. Berdasarkan dapatan kajian terhadap kefahaman menunjukkan min keseluruhan bagi kefahaman berada pada tahap sederhana tinggi. Antara kelemahan pelajar dari aspek kefahaman ialah kegagalan pelajar memahami makna ayat sebelum menghafaz. Ahwani (1955), As-Syarbini (2004) dan Abu al-Fida' (2006) menyatakan bahawa kefahaman merupakan kaedah untuk membantu hafazan. Selain itu, pelajar juga didapati lemah dalam menghafaz mengikut makna dan memahami kalimah yang terdapat dalam sesuatu ayat hafazan. Kajian ini turut disokong oleh hasil dapatan daripada kajian-kajian sebelumnya seperti kajian Azmil Hashim (2010) yang menyatakan bahawa pelajar kurang berusaha dalam mencari makna kalimah dan maksud ayat.

### **Bibliografi**

Al-Quran.

Abu Al-Fida', Muhammad Izzat. (2006). *Kaifa nahfazul Quran*. Kaherah: Darul Salam.

Abu Al- Wafa, Aliyallah Ali. (1999). *An-Nur al-mubin litahfiz al-Quran al-Karim*: Darul Wafa'.

Abu Najihat Al-Hafiz. (2002). *Panduan bagi hafiz -hafizah dan qari dan qari'ah*. Selangor: Penerbit Darul Iman.

Ahmad Mohd. Salleh. (1997). *Pendidikan Islam falsafah, sejarah dan kaedah pengajaran dan pembelajaran*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd

Ahwani, Ahmad Fuad. (1995). *at - tarbiyyah f il Islam aw ta' alim fi ra' yil Qabisi*. Kaherah: Dar Ehya' al Kutub Al'Arabiyah.

Ary, D., Jacobs, L.C., Razavieh, A. (2002). *Introduction to research in education Belmont USA: Wadsworth/Thompson Learning*.

As- Syarbini, Ibrahim Abdul Muni'm. (2004). *As-Sabil ila al-Jinan bi Bayan Kaifa Yuhfazul Quran*. Zaqaqiq: Dar Ibnu Kathir.

Azmil Hashim. (2010). *Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Tahfiz Darul Quran dan Maahad Tahfiz al-Quran Negeri*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Azmil Hashim (2012). *Persepsi Pelajar Terhadap Kaedah Pembelajaran Tahfiz al-Quran di Malaysia*. *Journal of Islamic and Arabic Education* 4(2), 2012 1-10.

Azmil Hashim (2014). *Kaedah Pembelajaran Tahfiz dan Hubungannya dengan Pencapaian Hafazan Pelajar*. *Journal of Al-Quran and Tarbiyyah*, Vol 1(1) 2014:9-16.

Azmil Hashim (2010). *Persepsi guru Tahfiz Terhadap Amalan Kaedah Pengajaran Tahfiz dan Pencapaian Hafazan Al-Quran Para Pelajar* *Jurnal Perspektif* Jil.6 Bil.2 (15-25) ISSN 1985 – 496X.



- Mohamad Marzuqi & Azmil Hashim (2016). Kajian Tinjauan Terhadap Faktor- faktor Yang Mempengaruhi Penulisan Ayat Hafazan Al-quran. *Journal Teknikal and Science Sosial.e- ISSN2289 – 7356*.
- Mohamad Marzuqi & Azmil Hashim (2017). Pendekatan Pengajaran dalam Kalangan Pensyarah Tahfiz al-Quran di Malaysia. *Journal Perspektif: Special Issue 1 (2017), (79-89) ISSN 1985-496X / eISSN 2462-2435*.
- Hikmiyah, N. (2015). *Metode Pembelajaran Tahfiz Al-Quran Di Griya Al-Quran Jalan Cisadane 36 Surabaya*. Surabaya: UIN Sunan Ampel Surabaya.
- Hilmi bin Ismail. 2010. *Pengalaman Solat fardu Di Kalangan Mahasiswa Di TATI University College (TATIUC), Kemaman Terengganu, (Kertas Projek Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam) Universiti Malaya: K.L.*
- Jabatan Agama Islam Perak (JAIPK) (2009). *Kertas Kerja Penubuhan Pendidikan Tahfiz Sekolah-sekolah Agama Negeri Perak 2009. Bahagian Pendidikan (JAIPK)*.
- Muhammad Muhsin Syeikh Ahmad. (1994). *Al-Quran dan cara-cara menghafaz*. Shah Alam: Perpustakaan Darul Quran.
- Robson, C. (1998). *Real world research*. UK: Blackwell Publisher Ltd.
- Shahin, Abdul Sobur. (1995). *Tarikhul Quran*. Kaherah: Matbacah As-Sacadah.